

Muhyiddin tak boleh rayu arahan Mahkamah Rayuan

Kes rasuah dikembalikan ke Mahkamah Sesyen untuk tindakan lanjut

ajohari@bh.com.my

Kuala Lumpur: Mahkamah Sesyen, di sini, semalam, diberitahu, Presiden BERSATU, Tan Sri Muhyiddin Yassin tidak boleh merayu keputusan Mahkamah Rayuan yang membatalkan perintah membebaskannya daripada empat tuduhan rasuah berjumlah RM232.5 juta.

Timbalan Pendakwa Raya, Datuk Wan Shaharuddin Wan Ladin, berkata ini kerana kes rasuah terbabit bermula di Mahkamah Sesyen dan masih kekal di mahkamah sama selepas Mahkamah Rayuan memerintahkan ia dikembalikan semula (ke Mahkamah Sesyen) untuk tindakan lanjut.

Katanya, rayuan terakhir bagi kes di Mahkamah Sesyen ialah di Mahkamah Rayuan sahaja mengikut Seksyen 87 Akta Mahkamah Kehakiman 1964.

Wan Shaharuddin berkata, pendakwa akan membantah permohonan pembelaan untuk

menangguhkan prosiding kes rasuah terbabit sehingga rayuan didengar dan diputuskan Mahkamah Persekutuan.

Terdahulu, peguam Datuk Hisyam Teh Poh Teik memaklumkan, pihaknya sudah memfailkan notis rayuan di Mahkamah Persekutuan untuk mencabar keputusan Mahkamah Rayuan itu dan akan memfailkan permohonan untuk menangguhkan prosiding kes rasuah terbabit.

Hakim Azura Alwi kemudian menetapkan pada 3 April ini bagi sebutan kes dan bagi pihak memaklumkan perkembangan rayuan berkenaan.

Muhyiddin merayu keputusan Mahkamah Rayuan pada 28 Februari Mu, yang membenarkan rayuan pendakwa terhadap keputusan Mahkamah Tinggi yang melepas dan membebaskan beliau.

Melalui keputusan sebulat suara itu, panel tiga hakim Mahkamah Rayuan kemudian mengarahkan kes berkenaan dikembalikan semula ke Mahkamah Sesyen untuk tindakan lanjut.

Panel itu berkata, Mahkamah Tinggi terkhilaf daripada segi undang-undang apabila memutuskan empat pertuduhan berkenaan tidak mendedahkan sebarang kesalahan Muhyiddin yang juga Pengerusi Perikatan Nasional (PN).

Pada 15 Ogos tahun lalu, Mahkamah Tinggi membebaskan Muhyiddin atas empat tuduhan



Muhyiddin hadir di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur, semalam.

(Foto BERNAMA)

menggunakan kedudukannya untuk rasuah RM232.5 juta bagi BERSATU, selepas membenarkan permohonannya untuk membatalkan tuduhan terbabit.

Ia susulan empat pertuduhan itu didakwa tidak mendedahkan kesalahan mengikut Seksyen 23(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Muhyiddin, 77, ketika menjadi Perdana Menteri kelapan didakwa di Mahkamah Sesyen kerana menggunakan kedudukan untuk

suapan RM232.5 juta daripada tiga syarikat iaitu Bukhary Equity Sdn Bhd, Nepturis Sdn Bhd dan Mamfor Sdn Bhd serta Datuk Azman Yusoff bagi BERSATU.

Beliau dituduh melakukan perbuatan itu di Pejabat Perdana Menteri, Bangunan Perdana Putra, Putrajaya di antara 1 Mac 2020 dan 20 Ogos 2021.

Beliau juga berdepan tiga tuduhan menerima wang hasil aktiviti haram yang semuanya berjumlah RM200 juta.